

**MINAT MURID TINGKATAN EMPAT TERHADAP MATA PELAJARAN
SEJARAH: SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH**

***(FORM FOUR STUDENTS' INTEREST IN HISTORY SUBJECT: A SURVEY
IN SECONDARY SCHOOL)***

Anis Firdaus Asmi¹
Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Ph.D²
Jazihan Mahat, Ph.D³

¹⁻³Universiti Putra Malaysia

¹Corresponding author: anisfirdausasmi1909@gmail.com

ABSTRAK

Pembelajaran Sejarah bukan sahaja bermatlamat untuk memupuk kesedaran terhadap sejarah, malahan dapat memperkenalkan konsep identiti kolektif dalam diri pelajar serta semangat jati diri dan cinta terhadap negara bangsa. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian tinjauan bagi mengenal pasti minat murid terhadap pembelajaran Sejarah pada peringkat sekolah menengah. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik dan diedarkan dan dijawab oleh 80 orang murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Sejarah daripada tiga buah kelas tingkatan empat di SMK Darul Ehsan, Selangor yang dipilih berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Science Social* (SPSS) 28.0 menerusi statistik deskriptif, ujian-t tak bersandar dan ujian ANOVA. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap minat murid dalam mata pelajaran Sejarah adalah sederhana iaitu min 3.33 (1.011). Ujian-t tak bersandar dilakukan untuk membandingkan skor min minat dengan jantina menunjukkan nilai-t bagi perbandingan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah bagi murid perempuan dan lelaki ialah $t=1.157$ dan tahap signifikan $p=0.251$. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah antara murid perempuan dan murid lelaki. Ujian ANOVA yang

dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap minat murid dalam mata pelajaran Sejarah mengikut kelas ($F(2, 77)=3.365$; $p<0.05$). Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru harus peka dalam merancang pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi meningkatkan minat murid. Kesimpulannya, minat pelajar dalam mempelajari Sejarah dapat dirangsang dengan kaedah pengajaran yang menarik.

Kata kunci: Mata pelajaran Sejarah, minat murid, tingkatan empat, sekolah menengah.

ABSTRACT

Learning History not only aims to foster awareness of history but can also introduce the concept of collective identity in students as well as the spirit of identity and love for the nation. This research is in the form of a survey to identify students' interest in learning History at the secondary school level. This quantitative study uses a questionnaire instrument and is distributed and answered by 80 form four students who take History subjects from three form four classes at SMK Darul Ehsan, Selangor who were selected based on purposive sampling techniques. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) 28.0 software through descriptive statistics, independent t-test and ANOVA test. The results of the study show that the level of student interest in the subject of History is moderate, which is a mean of 3.33 (1.011). An independent t-test was performed to compare the mean score of interest with gender showing the t-value for the comparison of students' interest in History subjects for female and male students is $t=1.157$ and the significance level is $p=0.251$. So, there is no significant difference in student interest in History between female and male students. The ANOVA test conducted showed that there was a significant difference in the mean score of students' interest level in the History subject by class ($F(2, 77)=3.365$; $p<0.05$). The implications of this study show that teachers should be sensitive in planning the teaching and learning of

history to increase students' interest. In conclusion, students' interest in learning History can be stimulated with interesting teaching methods.

Keywords: *History subject, student interest, form four, secondary school.*

PENGENALAN

Sejak beberapa dekad yang lalu, banyak transformasi telah tercetus dalam bidang pendidikan dan Malaysia tidak terkecuali. Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan individu dan masyarakat serta pemacu ekonomi bagi negara. Selain itu, pendidikan juga merupakan pencetus inspirasi kepada inovasi dan daya kreatif yang dapat melahirkan golongan muda yang berkebolehan dan mampu bersaing dalam pasaran kerja semasa (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Dalam dunia pendidikan global, pembangunan kurikulum merupakan satu proses perubahan bagi membentuk pembaharuan yang dijalankan secara berterusan. Kurikulum baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula diperkenalkan secara berperingkat mulai tahun 2017 bagi murid tingkatan satu. Pengenalan kurikulum baharu ini selari dengan permintaan semasa yang berharap kualitinya juga seiring dengan standard global. Salah satu mata pelajaran yang diperkenalkan di bawah KSSM ialah mata pelajaran Sejarah yang wajib diambil dan diajar kepada murid tingkatan satu hingga tingkatan lima (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid tingkatan satu hingga tingkatan lima dalam KSSM bertujuan memberi kefahaman mengenai masyarakat, negara Malaysia dan dunia (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018).

Minat pelajar dalam mempelajari Sejarah dapat dirangsang dengan kaedah pengajaran yang menarik (Khairuddin & Mailok, 2020a; Lejah et al., 2018). Peningkatan yang positif dari segi aspek minat dan motivasi dapat dilihat dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah dapat ditingkatkan dengan kaedah dan pengajaran Sejarah yang betul dan berkesan (Kaviza, 2020b). Maka, terdapat satu keperluan kepada pengkaji dalam kajian ini untuk mengenal pasti minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Justeru, kajian ini untuk mengenal pasti minat murid dalam mata pelajaran Sejarah sekolah menengah.

Pernyataan Masalah

Kegagalan mengekalkan tarikan terhadap minat dan motivasi murid terhadap mata pelajaran Sejarah disebabkan oleh pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah yang dijalankan bersifat tradisional dan membosankan (Niveetha Mookan et al., 2021; Oyewale et al., 2021; Sebbowa & Ng'ambi, 2020). Murid tidak memperoleh keseronokan semasa pelaksanaan PdP Sejarah kesan daripada kaedah pengajaran yang berpusatkan guru masih dijalankan (Abdul Malek et al., 2019; Sarabani, 2021b). Kaedah pengajaran Sejarah yang berkesan dan menarik adalah diperlukan bagi menimbulkan minat dan peningkatan prestasi murid dalam mata pelajaran Sejarah (Lejah et al., 2018; Sarabani, 2021a). Kesannya, sistem Pendidikan di Malaysia akan menghadapi permasalahan akibat daripada kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan mempengaruhi pembelajaran murid (Edin et al., 2021; Lejah et al., 2018; Zakari et al., 2022).

Permasalahan lain yang dilihat ialah murid tidak berminat mempelajari Sejarah lantaran daripada guru tidak cuba mengaplikasikan idea baharu dalam

pengajaran Sejarah dan hanya merujuk kepada buku teks semata-mata (Oyewale et al., 2021; Sarabani, 2021b) Hal ini mengakibatkan guru berkuasa sepenuhnya semasa PdP dijalankan tanpa berpusatkan kepada murid (Siong & Kutty, 2020). Minat murid tidak dapat dipupuk disebabkan kegagalan guru mengaplikasikan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik apabila mempelajari Sejarah (Asamoah, 2021; Fernanda et al., 2018). Hal ini mengakibatkan PdP Sejarah tidak menunjukkan kemajuan dan kesan positif terhadap pembelajaran Sejarah tidak dapat dilihat (Zakaria et al., 2020).

Oleh itu, berdasarkan permasalahan di atas, penyelidik ingin melihat bagaimana minat murid dalam mempelajari Sejarah pada peringkat sekolah menengah.

Objektif Kajian

- i. Menenal pasti minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah.
- ii. Menenal pasti perbezaan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah.
- iii. Menenal pasti perbezaan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah berdasarkan kelas dalam kalangan murid murid tingkatan empat sekolah menengah.

Soalan Kajian

- i. Apakah minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah?

- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan minat murid berdasarkan jantina dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan minat murid berdasarkan kelas dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah?

Hipotesis Kajian

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah berdasarkan jantina.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah berdasarkan kelas.

Batasan Kajian

Batasan daripada aspek tajuk kajian ini hanya berfokus kepada minat murid tingkatan empat terhadap mata pelajaran Sejarah. Seterusnya, batasan sampel kajian hanya melibatkan murid tingkatan empat tanpa melibatkan murid yang berada di tingkatan yang lain serta lokasi kajian dijalankan terbatas kepada sebuah sekolah menengah sahaja.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian yang dilaksanakan oleh Len et al. (2021) menunjukkan bahawa pencapaian murid tidak memuaskan dalam mata pelajaran Sejarah disebabkan murid tidak berminat terhadap mata pelajaran tersebut. Beberapa penyelidik juga telah melaporkan bahawa Sejarah ialah mata pelajaran yang susah sehinggakan terdapat murid gagal dalam menguasai mata pelajaran tersebut (Chong, 2021; Maarof et al.,

2020). Isu dalam mata pelajaran Sejarah ini sedikit sebanyak menjadi tumpuan kerana mata pelajaran ini merupakan salah satu mata pelajaran penting di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pengajaran dan pembelajaran Sejarah telah dimulakan seawal peringkat sekolah rendah pada tahun 2014. Namun, didapati mata pelajaran Sejarah menjadi salah satu antara mata pelajaran yang kurang digemari oleh murid kerana mata pelajaran ini lebih kepada maklumat dan tidak diguna pakai dalam kehidupan seharian (Chong, 2021; M.Kaviza et al., 2018; Oyewale et al., 2021). Pengaplikasian pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik dapat membantu guru dalam menyalurkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran serta memupuk nilai yang diharapkan dalam kurikulum (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Salah satu perbincangan semasa yang sering didiskusikan oleh penyelidik ialah proses pengajaran mata pelajaran Sejarah perlu dilaksanakan dengan cara berkesan dan menggunakan pelbagai pendekatan disebabkan mata pelajaran ini dapat merangsang murid untuk meningkatkan motivasi, memperkayakan pengalaman dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik murid (Abdul Talib et al., 2019; Fariza et al., 2018; Gómez Carrasco et al., 2021; Kaur, 2019; Susilo & Sustianingsih, 2021).

Minat pelajar dalam mempelajari Sejarah dapat dirangsang dengan kaedah pengajaran yang menarik (Khairuddin & Mailok, 2020b; Lejah et al., 2018). Menurut Md Zain et al.(2019) peningkatan yang positif dari segi minat dan motivasi dapat dilihat dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah dapat ditingkatkan dengan kaedah dan pengajaran Sejarah yang betul dan berkesan (Kaviza, 2020a). Justeru, kajian ini untuk mengenal pasti minat murid dalam mata pelajaran Sejarah sekolah menengah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif secara tinjauan (Creswell, 2014). Kaedah ini bersesuaian untuk melihat minat murid dalam mata pelajaran Sejarah sekolah menengah. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji minat murid dalam mata pelajaran Sejarah sekolah menengah.

Satu set soal selidik telah disediakan bagi mengumpul maklumat dan data. Segala pengukuran terhadap pemboleh ubah dibuat berdasarkan maklum balas terhadap semua pertanyaan yang terkandung dalam soal selidik. Tuckman (1988), menyarankan kaedah soal selidik lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden. Oleh itu, dalam kajian ini, soal selidik mengandungi soalan-soalan tentang faktor-faktor mempengaruhi minat murid dalam mata pelajaran Sejarah sekolah menengah.

Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian *IBM SPSS 28.0*. Interpretasi minat terhadap mata pelajaran Sejarah dalam kajian ini telah ditentukan berdasarkan tiga tahap seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi Tahap

Skor Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad (2002)

Persampelan

Sampel kajian ini melibatkan murid tingkatan empat SMK Darul Ehsan, Selangor. Sampel kajian seramai 80 orang murid ini adalah daripada tiga buah kelas tingkatan empat yang dipilih berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Instrumen soal selidik ini diadaptasi daripada kajian Soranam (2011). Kesemua 80 orang murid ini mempelajari mata pelajaran Sejarah di sekolah dan diberikan soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Kebolehpercayaan Instrumen

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Science Social* (SPSS) 28.0 bagi menentukan nilai *Croanbach Alpha* bagi instrumen kajian. Pekali kebolehpercayaan *Croanbach Alpha* yang diperoleh melalui kajian rintis adalah seperti Jadual 2

Jadual 2

Nilai Pekali Croanbach Alpha untuk Setiap Instrumen

Bil	Deskripsi	Nilai Pekali <i>Croanbach Alpha</i>
1	Minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah	0.972

Reliability Statistics		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.972	.974	8

Nilai Pekali *Croanbach Alpha* Minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah

Huraian Instrumen Kajian

Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Menurut Gillham (2000) kaedah soal selidik menjadi pilihan kebanyakan pengkaji kerana pengkaji boleh memperoleh data lebih cepat daripada jumlah responden yang ramai. Mohd Najib (1999) menyarankan kaedah soal selidik memandangkan data yang diperoleh daripada responden adalah tepat disebabkan mereka berasa lebih selamat untuk memberikan jawapan kepada soal selidik kerana segala maklumat dirahsiakan.

Soal selidik yang dikemukakan kepada responden mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan B (Jadual 3). Soal selidik ini juga tidak mempunyai jawapan yang betul dan salah. Oleh hal yang demikian, responden bebas menjawab pernyataan mengikut pendapat mereka dengan jujur dan ikhlas.

Jadual 3*Deskripsi untuk Setiap Bahagian dalam Soal Selidik Kajian*

Bahagian		Deskripsi
A	Demografi responden	
B	Soal selidik mengenai minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah	

Bahagian A: Demografi Responden

Bahagian A terdiri daripada lapan item yang telah dibentuk sendiri oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden. Antara item untuk bahagian ini ialah jantina, bangsa, umur, kelas dan sebagainya.

Bahagian B: Minat Murid terhadap Mata Pelajaran Sejarah

Bahagian B merupakan instrumen yang akan mengukur minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Penyelidik menggunakan instrumen yang telah dibangunkan oleh Soranam (2011). Soal selidik ini diukur menggunakan 5 skala likert seperti di bawah:

1 = Sangat Tidak Setuju (STS)

2 = Tidak Setuju (TS)

3 = Kurang Setuju (KS)

4 = Setuju (S)

5 = Sangat Setuju (SS)

Analisis Data

Jadual 4

Jenis Analisis Data

Persoalan kajian	Analisis
Apakah minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid SMK Darul Ehsan?	Deskriptif (Min, Sisihan Piawai, Peratus dan Frekuensi)
Ho: Tidak terdapat perbezaan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah berdasarkan jantina.	Ujian-t tak bersandar
Ho2: Tidak terdapat perbezaan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat sekolah menengah berdasarkan kelas.	Ujian ANOVA

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang telah diperoleh turut dibincangkan bagi menghuraikan kajian secara terperinci.

Analisa Latar Belakang Responden

Latar belakang murid meliputi aspek jantina, bangsa, umur, agama, kelas, taraf kewarganegaraan dan gred mata pelajaran Sejarah ketika Peperiksaan Pertengahan Tahun 2023. Jadual 4.0 menunjukkan maklumat responden yang terlibat dalam kajian ini. Jumlah sampel seramai 80 orang iaitu, 51 orang pelajar atau 63.7% ialah perempuan dan selebihnya 29 orang pelajar lelaki (36.3%).

Jadual 5*Latar belakang Responden (N=80)*

<i>Variable</i>	<i>Bilangan (Peratus)</i>
Jantina	
<i>Perempuan</i>	51 (63.7)
<i>Lelaki</i>	29 (36.3)
Bangsa	
<i>Melayu</i>	68 (85)
<i>Cina</i>	6 (7.5)
<i>India</i>	5 (6.25)
<i>Sikh</i>	1 (1.25)
Umur	
<i>16 tahun</i>	80 (100)
Agama	
<i>Islam</i>	68 (85)
<i>Buddha</i>	7 (8.75)
<i>Hindu</i>	4 (5.0)
<i>Sikh</i>	1 (1.25)
Kelas	
<i>4 Theta</i>	26 (32.5)
<i>4 Lambda</i>	27 (33.8)
<i>4 Gamma</i>	27 (33.8)
Taraf Kewarganegaraan	
<i>Warganegara</i>	80 (100)
Gred Sejarah	
<i>A+</i>	2 (2.5)
<i>A</i>	9 (11.3)
<i>A-</i>	11 (13.8)
<i>B+</i>	8 (10)
<i>B</i>	10 (12.5)
<i>C+</i>	9 (11.3)
<i>C</i>	8 (10)
<i>D</i>	5 (6.3)
<i>E</i>	8 (10)
<i>G</i>	10 (12.5)

Berdasarkan Jadual 5 jumlah responden perempuan menunjukkan perbezaan dengan responden lelaki. Bilangan responden perempuan lebih tinggi berbanding bilangan responden lelaki. Jumlah responden perempuan seramai 51 orang (63.7%) dan 29 orang (36.3%) yang lain murid lelaki. Seramai 68 (85%) responden terdiri daripada murid kaum Melayu, 6 (7.5%) responden ialah murid kaum Cina, 5 (6.25%) responden murid kaum India dan 1 (1.25%) responden kaum Sikh. Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini berumur 16 tahun dan merupakan warganegara Malaysia.

Responden bagi kajian ini terdiri daripada penganut agama Islam, Buddha, Hindu dan Sikh. Responden yang beragama Islam adalah seramai 68 (85%), responden yang beragama Buddha seramai 7 (8.75%), Hindu seramai 4 (5.0%) responden dan Sikh 1 (1.25%) responden. Dalam kajian ini, soal selidik telah diberikan kepada tiga buah kelas tingkatan empat iaitu kelas 4 Theta, 4 Lambda dan 4 Gamma. Jumlah responden daripada kelas 4 Theta seramai 26 orang (32.5%) responden, 4 Lambda seramai 27 orang (33.8%) manakala 4 Gamma seramai 27 orang (33.8%). Berdasarkan data soal selidik yang telah dianalisis, didapati seramai 2 orang (2.5%) responden mendapat gred A+ bagi mata pelajaran Sejarah dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2023. Murid yang memperoleh A seramai 9 orang (11.3%), gred A- seramai 11 orang (13.8%), gred B+ seramai 8 orang (10%), gred C+ seramai 9 orang (11.3%), gred C 8 orang (10%), gred D 5 orang (6.3%), gred E 8 orang (10%) dan gred G (Gagal) seramai 10 orang (12.5%).

Analisa Minat Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah

Jadual 6

Minat Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah (N=80)

Bil	Item	Min	SP	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	Saya suka (minat) belajar sejarah	3.49	1.253	5 (6.3%)	15 (18.8%)	18 (22.5%)	20 (25.0%)	22 (27.5%)
2	Saya tidak pernah ponteng kelas sejarah	3.93	0.911	0	5 (6.3%)	21 (26.3%)	29 (36.3%)	25 (31.3%)
3	Saya selalu siapkan latihan sejarah yang diberikan oleh guru	3.63	1.048	1 (1.3%)	12 (15.0%)	22 (27.5%)	26 (32.5%)	19 (23.8%)
4	Saya suka baca buku teks sejarah	3.11	1.102	5 (6.3%)	22 (27.5%)	19 (23.8%)	27 (33.8%)	7 (8.8%)
5	Saya suka membuat latihan tambahan dalam mata pelajaran sejarah	3.11	1.212	8 (10.0%)	19 (23.8%)	20 (25.0%)	22 (27.5%)	11 (13.8%)
6	Saya suka baca banyak fakta sejarah	2.99	1.164	10 (12.5%)	17 (21.3%)	24 (30.0%)	22 (27.5%)	7 (8.8%)
7	Saya memberi tumpuan semasa guru sejarah mengajar dalam kelas	3.79	0.937	0	7 (8.8%)	24 (30.0%)	28 (35.0%)	21 (26.3%)
8	Saya suka membaca buku teks	2.59	1.155	19 (23.8%)	17 (21.3%)	24 (30.0%)	18 (22.5%)	2 (2.5%)

	sejarah pada masa lapang di sekolah		
9	Minat Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah secara keseluruhan	3.33	1.011

Berdasarkan Jadual 6 di atas, secara keseluruhannya menunjukkan tahap minat murid bagi mata pelajaran Sejarah adalah sederhana iaitu min 3.33 (1.011). Enam aspek minat murid bagi mata pelajaran Sejarah menunjukkan nilai min yang sederhana tahapnya. Lapan item telah digunakan untuk mengukur minat murid bagi mata pelajaran Sejarah. Skor min paling tinggi ialah item nombor dua (2) dengan skor min 3.93 (0.911). Manakala, skor min paling rendah ialah item “Saya suka membaca buku teks Sejarah pada masa lapang di sekolah” dengan skor purata 2.59 (1.155). Item yang pertama, skor min ialah 3.49 (1.253), item ketiga (3), skor min ialah 3.63 (1.048), item keempat (4), skor min ialah 3.11 (1.102) dan item kelima (5), skor min ialah 3.11 (1.212), item yang keenam (6) “Saya suka baca banyak fakta Sejarah”, skor min ialah 2.99 (1.164), dan item yang ketujuh (7), skor min ialah 3.79 (0.937).

Analisa Minat Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah Berasaskan Jantina

Kajian seterusnya adalah untuk membandingkan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah antara responden perempuan dan lelaki. Bagi tujuan itu, Ujian-t Tak Bersandar dilakukan untuk membandingkan skor min minat dengan jantina (Rujuk Jadual 7).

Jadual 7

Ujian-t Tak Bersandar bagi Minat Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah mengikut Jantina (N=80)

Jantina	Bilangan	Min	SP	t	Signifikan
Perempuan	51	3.43	1.000	1.157	0.251
Lelaki	29	3.16	1.022		

Berdasarkan Jadual 7 didapati nilai-t bagi perbandingan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah bagi murid perempuan dan lelaki ialah $t=1.157$ dan tahap signifikan $p=0.251$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada $0.05(p>0.05)$. Oleh itu, hipotesis nul (H_0) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah antara murid perempuan dan murid lelaki.

Skor min minat murid lelaki bagi mata pelajaran Sejarah ($\text{min}=3.16$) adalah lebih kecil daripada murid perempuan ($\text{min}=3.43$). Ini bermakna tahap minat murid dalam mata pelajaran Sejarah antara murid perempuan dan murid lelaki adalah sama.

Analisa Minat Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Kelas**Jadual 8**

Taburan Minat Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah

Kelas	Bilangan (N)	Min	SP
4 Theta	26	2.92	1.020
4 Lambda	27	3.50	0.999
4 Gamma	27	3.54	0.923
Jumlah	80	3.33	1.010

Jadual 9*Ujian ANOVA Minat Murid bagi Mata Pelajaran Sejarah*

Minat Dalam Mata Pelajaran Sejarah	Murid Mata	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan		6.485	2	3.242	3.365	0.040
Dalam Kumpulan		74.183	77	0.963		
Jumlah		80.668	79			

Jadual 10*Multiple Comparison Tukey HSD*

(I) Kelas	(J) Kelas	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Signifikan
4 Theta	4 Lambda	-0.59	0.269	0.079
	4 Gamma	-0.62	0.269	0.060
4 Lambda	4 Theta	0.59	0.269	0.079
	4 Gamma	-0.03	0.267	0.991
4 Gamma	4 Theta	0.62	0.269	0.060
	4 Lambda	0.03	0.267	0.991

Berdasarkan Jadual 9, didapati terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap minat murid bagi mata pelajaran Sejarah mengikut kelas ($F(2, 77)=3.365$; $p<0.05$). Minat murid bagi mata pelajaran Sejarah yang berada di kelas 4 Lambda ($M=3.50$, $S.P=0.999$) dan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah yang berada di kelas 4 Gamma ($M=3.54$, $S.P=0.923$) lebih tinggi berbanding minat murid bagi mata pelajaran Sejarah yang berada di kelas 4 Theta ($M=2.92$, $S.P=1.020$). Walau bagaimanapun, skor min minat murid bagi mata pelajaran Sejarah yang berada di kelas 4 Gamma dan minat murid bagi mata pelajaran Sejarah yang berada di kelas 4 Lambda tidak berbeza secara signifikan. Walaupun keputusan ujian Anova Sehalah tersebut adalah signifikan secara statistik, perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan agak kecil.

PERBINCANGAN

Pada bahagian perbincangan ini, pengkaji akan membincangkan hasil kajian yang diperoleh daripada analisis kajian yang telah dibuat dan membuat kesimpulan daripada hasil kajian ini. Perbincangan ini terbahagi kepada hasil dapatan kajian:

- i) Minat murid bagi mata pelajaran Sejarah.
- ii) Minat murid bagi mata pelajaran Sejarah berasaskan jantina.
- iii) Minat murid bagi mata pelajaran Sejarah berdasarkan kelas.

Minat Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah

Merujuk kepada kajian terdapat dua aspek menunjukkan tahap min yang tinggi bagi minat murid bagi mata pelajaran Sejarah iaitu “Saya tidak pernah ponteng kelas sejarah” min 3.93 dan “Saya memberi tumpuan semasa guru Sejarah mengajar dalam kelas” min 3.79. Enam aspek terhadap minat murid dalam mata pelajaran Sejarah menunjukkan nilai min yang sederhana tahapnya iaitu item yang pertama, skor min ialah 3.49, item ketiga (3), skor min ialah 3.63, item keempat (4), skor min ialah 3.11, item kelima (5), skor min ialah 3.11, item yang keenam (6) “Saya suka baca banyak fakta sejarah”, skor min ialah 2.99, bagi item kelapan (8) dengan skor min 2.59. 75% murid tidak suka membaca buku teks Sejarah ketika waktu senggang di sekolah. Ini menunjukkan murid kurang berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Dapatan lepas mendapati beberapa penyelidik telah melaporkan murid gagal dalam menguasai Sejarah disebabkan Sejarah ialah mata pelajaran yang sukar dan tidak menarik minat murid untuk mempelajarinya (Chong, 2021; Maarof et al., 2020; Syazwani et al., 2019). Ini dibuktikan apabila dapatan keputusan SPM 2021 bagi mata pelajaran Sejarah telah menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya 2020 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2021). Selain itu, 63.8% murid menyatakan tidak suka membaca fakta sejarah. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Sejarah penuh

dengan fakta yang perlu diingat sehingga membuatkan murid kurang berminat mata pelajaran ini. Kenyataan ini bertepatan dengan pendapat (Karima & Firza, 2019; Kurniawati et al., 2021; Siong & Kutty, 2020) yang menyatakan murid berasa tertekan dan pembelajaran Sejarah kurang memberangsangkan kerana murid perlu mengingat fakta-fakta dipelajari dan peristiwa sejarah. Murid menghadapi masalah kerana terlalu banyak fakta yang perlu diingat.

Minat Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Jantina

Berdasarkan kajian yang dijalankan didapati nilai min bagi murid perempuan 3.43 lebih tinggi daripada nilai min murid lelaki iaitu 3.16. Ini menunjukkan perbezaan min tahap minat murid perempuan dan tahap minat murid lelaki ialah 0.27. Berdasarkan ujian-t dijalankan didapati tahap minat murid bagi mata pelajaran Sejarah antara murid perempuan dan murid lelaki adalah sama iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Minat murid perempuan dan murid lelaki dalam mata pelajaran Sejarah berada pada tahap sederhana.

Minat Murid Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Kelas

Merujuk kepada kajian dijalankan, min tahap minat murid dalam kalangan murid kelas 4 Theta ialah 2.92, 4 Lambda 3.50 dan 4 Gamma 3.54. Ini menunjukkan murid kelas 4 Gamma mempunyai tahap minat yang tinggi berbanding 4 Theta dan 4 Lambda. Didapati murid kelas 4 Gamma mempunyai tahap minat yang tinggi berbanding kelas 4 Theta dan 4 Lambda disebabkan berdasarkan keputusan Ujian Pertengahan Tahun jumlah murid 4 Gamma memperoleh keputusan cemerlang adalah yang tertinggi berbanding kelas 4 Theta dan 4 Lambda. Ini menunjukkan murid kelas 4 Gamma amat berminat dengan mata pelajaran Sejarah sehingga memperoleh keputusan cemerlang. Berdasarkan analisis data dijalankan ini

menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap minat murid bagi mata pelajaran Sejarah mengikut kelas.

Kesimpulan Dan Cadangan

Tahap minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah dalam kalangan murid tingkatan empat SMK Darul Ehsan adalah sederhana keseluruhannya. Murid perlu mempunyai minat untuk mempelajari Sejarah kerana mata pelajaran Sejarah merupakan satu mata pelajaran yang wajib lulus pada peringkat SPM.

Bagi meningkatkan tahap minat murid untuk mempelajari Sejarah guru adalah tonggak utama dalam mengaplikasikan kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran menggunakan pendekatan yang baharu dan menarik. Kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran yang berkesan akan dapat mengubah minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah yang dianggap sukar. Cadangan kajian masa hadapan juga boleh dilihat daripada aspek sendiri murid mempengaruhi minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Kajian masa hadapan juga boleh dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemu bual guru ataupun murid ataupun pendekatan secara campuran. Pengkaji pada masa akan datang juga boleh mengaplikasikan teori-teori yang bersesuaian dengan konstruk kajian yang akan dijalankan.

Implikasi kajian yang dijalankan guru harus peka dalam merancang pengajaran dan pembelajaran Sejarah bagi meningkatkan minat murid. Kaedah pengajaran yang berkesan dilihat akan dapat mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran ini. Seiring dengan perkembangan teknologi hari ini dilihat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) boleh digunakan sebagai salah satu kaedah pengajaran Sejarah. Murid pada hari ini yang terdedah dengan gajet dan perkembangan teknologi lebih berminat untuk beralih daripada pembelajaran secara

konvensional kepada pembelajaran berteraskan teknologi yang dilihat jauh lebih menarik sesuai dengan masa kini. Kesannya, minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah boleh dipertingkatkan.

RUJUKAN

- Abdul Malek, S., Jaafar, M., & Aiyub, K. (2019). Pandangan guru dan murid terhadap pengaplikasian Story Map GIS dalam mata pelajaran Sejarah STPM. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 163-178. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-12>
- Abdul Talib, N. S., Abdul Ghani, K., Yusoff, N. A., & Awang, M. M. (2019). Kaedah pembelajaran Sejarah dengan mengambil kira minat dan peningkatan prestasi. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1984).
- Asamoah, S. O. (2021). *Effective Utilization of instructional materials in the teaching of History in senior high schools of the Sekondi-Takoradi Metropolis* (Issue November).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah Tingkatan 4*.
- Chong, C. . (2021). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital (PBPD) terhadap pencapaian mata pelajaran Sejarah murid sekolah rendah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 49-53. <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/62/56>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Edin, A., Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Pillai, S. (2021). Pengetahuan pedagogi guru dan amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(September), 1-12. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/433%0Ahttps://spaj.ukm>

my/jws/index.php/jws/article/download/433/343

Fariza, M. I., & Mejar Mohd Jasmy, A. R. (2018). Cara meningkatkan motivasi dalam kalangan pelajar. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, November*, 1065-1072.

Fernanda, T., Agung S, L., & Sariyatun, S. (2018). The effectiveness of historical teaching material based on Problem Based Learning (PBL) to improve the senior high school students ability of historical explanation. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 5(3), 123. <https://doi.org/10.18415/ijmmu.v5i3.245>

Gillham, B. (2000). *Case study research methods*. Continuum.

Gómez Carrasco, C. J., Rodríguez-Medina, J., Miralles-Martínez, P., & López-Facal, R. (2021). Motivation and perceived learning of secondary education History students. analysis of a programme on initial teacher training. *Frontiers in Psychology*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.661780>

Karima, E. M., & Firza, F. (2019). Modul berbsis green history untuk pembelajaran Sejarah di sekolah menengah atas. *Diakronika*, 18(2). <https://doi.org/10.24036/diakronika/vol18-iss2/67>

Karupayah, Soranam (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah* [Tesis sarjana psikologi pendidikan yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Kaur, K. (2019). *Motivational History teaching methods in high schools of Punjab, India*.

M. Kaviza (2018). Kesan penggunaan teknik peer instruction dengan pendekatan kelas *flipped* terhadap pencapaian pemahaman konsep Sejarah. *Journal ICT in Education (JICTIE)*, 5(1),14-26.

Kaviza, M. (2020a). Kesediaan murid terhadap penggunaan aplikasi Google Classroom sebagai platform pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(4), 108-115. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i4.397>

Kaviza, M. (2020b). Pembelajaran Berasaskan bahan dalam mata pelajaran Sejarah.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(5), 149-156.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i5.420>

Kaviza, M., Rahim, F. A., & Bukhari, N. (2019). Historical thinking skills application on history subject and its relationship with intrinsic motivation: A correlation study. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 95-108.
<https://doi.org/10.21315/apjee2018.33.7>

Khairuddin, N. S., & Mailok, R. (2020a). *Pembelajaran Berasaskan Permainan Dalam Mata Pelajaran Sejarah Menggunakan Teknik Mnemonik*. 1-9.

Khairuddin, N. S., & Mailok, R. (2020b). Pembelajaran berasaskan permainan dalam mata pelajaran Sejarah menggunakan Teknik Mnemonik. *Journal of ICT In Education*, 7(1). <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.1.2.2020>

Kurniawati, Rochalina, C. I., Setiyonugroho, P., Ardiansyah, A., & Maulani. (2021). *Literasi Sejarah melalui telah sumber sejarah dalam kegiatan History Club Di SMA*. 3(September), 123-136.

Lejah, L., Kiamsin, B., & Talin, R. B. (2018). Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Abstrak Teaching Method of History Preferred by Students and Its Justifications Abstract Pengenalan Persoalan Kajian Tinjauan Literatur*. 3(2), 137-145.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020). *Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019*, 17. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3324-laporan-analisis-keputusan-spm-2019/file>

Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2021). *Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2021*.

Len, R., Woei, J., Bikar, S. S., Rathakrishnan, B., & Rabe, Z. (2021). Integrasi permainan media word wall dalam pendidikan Sejarah. *Abstrak Integration of Word Wall Games in History Education Abstract Pengenalan*. 6(4), 69-78.

M.Kaviza, Asiah, Mariani, & Rusniyati. (2019). *Kesan kaedah pembelajaran berasaskan sumber Sejarah terhadap identiti mata pelajaran Sejarah*. Dokumen , imej , fotograf , artifak.

- Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S., & Yusof, R. (2020). ITrack dalam PdP Sejarah: tinjauan terhadap motivasi pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 83-97.
- Md Zain, N. N., Tamsir, F., Ibrahim, N. A., Poniran, H., & Mohd Ghazali, A. S. (2019). Vark Learning styles towards academic performance among students of private university in Selangor. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10), 1-12. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.210001>
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). Penyelidikan pendidikan. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Niveetha Mookan, Abdul Razaq Ahmad, & Norasmah Othman. (2021). Pendekatan Kepelbagaian pengajaran dari aspek penyampaian, alat bantu mengajar , pedagogi dan peneguhan dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 227-238. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Oyewale, M., Mary, G., & Famillugba, O. J. (2021). The use of technology in teaching and learning of History in secondary schools. *American Journal of Multidisciplinary Research & Development (AJMRD)*, 03(06), 43-48. www.ajmrd.com
- Sarabani, S. Bin. (2021a). Tahap penggunaan dan kefahaman murid dalam penggunaan gabungan pakej bahan bantu mengajar multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.694>
- Sarabani, S. (2021b). Tahap Penggunaan dan kefahaman murid dalam penggunaan gabungan pakej bahan bantu mengajar multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 252-258.
- Sebbowa, D. K., & Ng'ambi, D. (2020). Teaching history in ways C21st students learn – A design-based research perspective. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(9), 259-280. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.9.14>
- Siong, Y. K., & Kutty, F. M. (2020). Keberkesanan aplikasi coggle dalam meningkatkan pencapaian Sejarah tingkatan enam bagi topik “perluasan kuasa barat di China” di SMK Selirik, Kapit. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1).

- Soranam (2011). *Faktor- faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah* [Tesis sarjana psikologi pendidikan yang tidak diterbitkan].Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Susilo, A., & Sustianingsih, I. M. (2021). Student Learning style in high school history learning process towards achievement improvement. *Edukasi*, 15(2). <https://doi.org/10.15294/edukasi.v15i2.30039>
- Syazwani, N., Talib, A., Pengajian Bahasa, P., Insaniah, P., Malaysia, U., Kamarulzaman, K., Ghani, A., Nur, K., & Yusuff, A. (2019). Kaedah pembelajaran Sejarah berasaskan lawatan ke muzium. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1).
- Tuckman, Bruce W. (1988). *Conducting educational research*. Harcourt Brace.
- Zakaria, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di malaysia: suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Zakaria, S. F. N., Daimin, G., & Alias, N. A. (2020). Animation as learning aid in history subject for form one students. *International Journal of Art & Design Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka* 2(5),41-50.
- Zakari, N. A., Abd. Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>

